

# HEPIRAX DISPERSIBLE TABLET<sup>®</sup>

Acyclovir (400mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan HEPIRAX
2. Bagaimana HEPIRAX berfungsi
3. Sebelum menggunakan HEPIRAX
4. Cara menggunakan HEPIRAX
5. Semasa menggunakan HEPIRAX
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan HEPIRAX
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan HEPIRAX

HEPIRAX digunakan untuk merawat jangkitan dan mencegah jangkitan ulangan virus Herpes simplex pada kulit dan membran mukosa, termasuklah herpes genital peringkat awal dan berulang (lepuh di kawasan kemaluan). Ia juga digunakan untuk pencegahan jangkitan Herpes simplex pada pesakit lemah imunitinya.

Selain itu, ia juga digunakan untuk merawat jangkitan virus Varicella (cacar air) dan juga Herpes Zoster (kayap).

## Bagaimana HEPIRAX berfungsi

HEPIRAX mengandungi acyclovir sebagai bahan aktif. Acyclovir tergolong dalam kumpulan ubat yang dipanggil anti-viral. Acyclovir berfungsi dengan menghentikan penghasilan virus herpes. Ini akan mengurangkan jangkama masa dan keterukan serangan herpes.

Acyclovir tidak akan menghapuskan virus tersebut dari badan anda. Doktor anda mungkin telah memberikan HEPIRAX kepada anda untuk tujuan perubatan yang lain. Jika anda mempunyai sebarang persoalan kenapa anda perlu

mengambil HEPIRAX, rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

## Sebelum menggunakan HEPIRAX

### - Bila tidak boleh menggunakan

1. Jangan gunakan HEPIRAX jika pek bungkus menunjukkan kesan buka atau koyak.
2. Jangan gunakan HEPIRAX untuk merawat sebarang penyakit lain kecuali atas nasihat doktor anda.
3. Jangan gunakan Hepirax jika anda alah atau hipersensitif kepada acyclovir atau kandungan dalam Hepirax Tablet.
4. Jangan gunakan Hepirax selepas tarikh luput yang tertera pada pek bungkus.

### - Sebelum mula mengambil

HEPIRAX tidak sesuai untuk semua orang. Pastikan doktor anda sedia maklum akan perkara berikut sebelum anda mula mengambil HEPIRAX:

1. Jika anda mengandung atau mula hamil sewaktu menggunakan HEPIRAX, atau anda sedang menyusukan anak.
2. Jika anda sedang mengalami:
  - penyakit buah pinggang atau apa-apa masalah perubatan lain

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Maklumkan kepada doktor jika anda sedang mengambil sebarang ubatan lain seperti probenecid atau ubat-ubatan yang memberi kesan kepada fungsi buah pinggang.

Doktor anda atau ahli farmasi akan mempunyai senarai ubat yang mungkin tidak sesuai untuk diambil bersama HEPIRAX.

## Cara menggunakan HEPIRAX

### - Berapa banyak harus digunakan

Ikat arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Doktor anda akan menentukan dos yang sesuai dengan anda, berdasarkan kepada jenis jangkitan, umur dan fungsi buah pinggang.

Jika terdapat sebarang persoalan, sila tanya kepada doktor atau ahli farmasi anda.

### - Bila perlu digunakan

Gunakan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi. Tablet Hepirax Dispersible boleh ditelan dengan sedikit air atau dilarutkan dalam sekurang-kurangnya 50 ml air

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan

ambil dos berganda untuk mengantikan dos yang tertinggal.

Jika anda terlupa mengambil lebih dari satu dos, hubungi doktor atau ahli farmasi anda untuk nasihat.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

**Semasa menggunakan HEPIRAX**

- Perkara yang perlu dilakukan

Doktor atau ahli farmasi anda akan memberitahu jika anda memerlukan sebarang arahan khas sewaktu menggunakan HEPIRAX.

Rujuk doktor anda jika anda berasa keadaan anda tidak bertambah pulih atau bertambah teruk.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan HEPIRAX.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi HEPIRAX dengan seseapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

*Memandu dan menggunakan jentera*

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

**Kesan-sesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain HEPIRAX boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Maklumkan kepada doktor anda jika anda mengalami keadaan seperti berikut :

- Kekejangan abdomen, loya, muntah-muntah, cirit-birit
- Sakit kepala, pening, lesu, kekeliruan dan gangguan tidur.
- Berhalusinasi dan ruam kulit
- Masalah hati dan buah pinggang.

Jika anda berasa anda mengalami tindakbalas yang sangat sensitif terhadap HEPIRAX, maklumkan kepada doktor anda segera.

Simptom – simptomnya termasuklah:

- Ruam kulit yang teruk, gatal-gatal
- Bengkak pada muka, bibir, mulut atau tekak.
- Susah untuk bernafas dan menelan
- Demam
- Tekanan darah yang rendah (merasa lelah dan lemah)

Jangan berasa cemas dengan senarai kesan sampingan di atas. Anda mungkin tidak mengalami sebarang alahan tersebut.

Sila dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi untuk mengetahui maklumat terperinci berkenaan kesan sampingan Hepirax.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan

melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers →Reporting*).

**Cara Penyimpanan dan Pelupusan HEPIRAX**

- Penyimpanan

Simpan HEPIRAX di tempat yang sejuk dan kering pada suhu bawah 25°C. Lindungi daripada cahaya.

Simpan pil anda dalam peknya sehingga tiba masa untuk mengambilnya. Jika anda mengeluarkan pil daripada peknya, ia mungkin tidak dapat dikenalkan dalam keadaan yang baik.

Jangan simpan HEPIRAX atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki.

Jangan tinggalkan ubat di dalam kereta atau atas unjuran tapak tingkap. Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak. Almari yang berkunci sekurang-kurangnya satu setengah meter dari aras lantai ialah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

### **Maklumat Lanjut**

#### - Rupa & Warna Produk

Tablet mudah serak, berwarna merah jambu dan berbentuk perisai, bercetak timbul dengan perkataan ‘CCM’ dan ‘400’ pada sebelah permukaan dan kosong pada permukaan sebelah lagi.

#### - Bahan-bahan Kandungan

##### - Bahan Aktif

Setiap tablet mengandungi 400mg Acyclovir.

##### - Bahan tidak aktif

- Croscarmellose Sodium
- Silicon Dioxide
- Pink Pigment Blend
- Microcrystalline Cellulose
- Magnesium Stearate
- Light Koalin

#### - Nombor MAL

MAL05051064ACSZ

### **Pengilang**

Upha Pharmaceutical Mfg (M) Sdn Bhd (53667-M)  
Lot 2& 4, Jalan P/7, Seksyen 13,  
Bangi Industrial Estate  
43650 Bandar Baru Bangi.  
Selangor Darul Ehsan.

### **Pemegang Pendaftaran Produk**

CCM Pharmaceuticals Sdn Bhd  
(27754-W)  
Lot 2& 4, Jalan P/7, Seksyen 13,  
Bangi Industrial Estate  
43650 Bandar Baru Bangi.  
Selangor Darul Ehsan.

### **Tarikh kemaskini RiMUP**

02/02/2016

### **Serial Number**

BPK (R4/1)020216/00023